

MEKANISME PENENTUAN HAK ANAK DALAM PERWARISAN HARTA
PUSAKA ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

MUHAMMAD KHAIRUL NIZZAM BIN KASSIM

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana
Sains

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

MEI 2019

DEDIKASI

Segala puji bagi Allah pencipta sekalian alam, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda.

Salam dan titipan al-Fatihah buat usul khususnya arwah datuk dan nenekku serta arwah ibu bapa mertuaku yang telah dijemput terlebih dahulu oleh Ilahi. Semoga ruh kalian sentiasa dalam limpahan rahmat dan keberkatanNya jua.Keampunan dan limpahan rahmat serta keberkatan jua kepada kedua ibu bapaku sebagaimana mereka memeliharaku sejak dari kecil. Khas buat isteri tercinta Rapihah Binti Mat Daud, bentangan belaian, kasih sayang dan pengorbananmu sangat dihargai, hanya Allah jua yang dapat membalasnya dengan ganjaran kebaikan dunia dan akhirat. Wardina Batrisyia, Nur Kamilia Fatini, Nur Iman Humaira dan Nur Danisha Maisarah kalian penyejuk mata dan harapan kami agar menjadi anak solehah yang berbakti kepada kami semasa dan seusai hayat kami. Semoga kalian beroleh kejayaan dunia dan akhirat dalam apa jua yang diusahakan. Kalian semua merupakan inspirasi utama untukku memerah sisa kudrat menyiapkan penulisan ini. Hanya ucapan terima kasih tidak terhingga yang mampu diucapkan serta pemanjangan manfaat yang diperolehi hasil penulisan ini kepada kalian jua insyaAllah.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya jua penulisan ini dapat dilengkapkan dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga, para sahabat dan pengikut bagindaS.A.W.. Ucapan terima kasih dan penghargaan dititipkan buat semua yang telah menyumbangkan bantuan dalam usaha menyiapkan penulisan kajian ini. Buat Allahyarham Dr Rafiuddin Afkari menyelia dan membimbing rangka awal penulisan ini amat dihargai. Semoga rohmu tenang di sana dan ditempatkan bersama orang-orang beriman yang dijanjikan syurga olehNya. Begitu juga buat Dr Nur Zainatul Nadra Binti Zainol yang telah mencurahkan ilmu, memberikan penyeliaan, bimbingan dan semangat sehingga lengkap penulisan ini. Seterusnya kepada semua ulama pengarang kitab-kitab yang telah dirujuk dalam melengkapkan penulisan ini. Tidak ketinggalan kepada PM Dr. Mohd Kamarulzaki Bin Mustafa, Dekan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) dan PM Dr. Mohd Arif Bin Agam, Encik Abdullah Bin Sulaiman, Dato' Aboo Bakar Bin Aboo Hasan, dan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan bantuan dan bimbingan dalam usaha melengkapkan penulisan kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga kepada Tan Sri Dato Setia Dr. Ibrahim Lembut, mantan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Datuk Mahammad Bin Ibrahim, mantan Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang memberikan kepercayaan, peluang dan bantuan kepada saya bagi menghasilkan penulisan ini. Semoga usaha kecil ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Islam dan dapat mengembangkan lagi ilmu faraid di Wilayah Persekutuan dan Malaysia amnya.

ABSTRAK

Anak merupakan salah satu waris utama dalam perwarisan harta Islam. Penentuan hak anak dalam pewarisan memerlukan mekanisme khusus iaitu melalui keabsahan nasab dan keabsahan jantina yang seringkali menjadi pertikaian dalam perwarisan harta pusaka. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti mekanisme penentuan hak anak dalam perwarisan harta pusaka Islam, menjelaskan setiap kategori anak, situasi pembahagian, hukum dan hak anak dalam mewarisi harta pusaka, menentukan mekanisme yang sesuai bagi membolehkan anak yang dikategorikan sebagai bukan ahli waris dan ahli waris untuk turut sama mendapat dan menambah baik perwarisan perwarisan harta pusaka dan menganalisis kajian kes melibatkan hak anak dalam perwarisan harta pusaka di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, temubual, dan kajian kes sebagai sumber data utama. Hasil kajian dapat mengenalpasti dua belas (12) jenis anak beserta hukum perwarisan sama ada berhak mewarisi atau tidak berhak mewarisi. Bagi anak yang tidak berhak mewarisi dan berhak mewarisi satu mekanisme menambah baik perwarisan melalui hibah, wasiat, *wasiat wajibah*, dan *takharuj* telah dicadangkan dalam kajian ini. Hasil analisis kajian kes menunjukkan empat (4) kes berkaitan hibah dan wasiat yang melibatkan anak sahaja dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menunjukkan masyarakat tidak terdedah dengan kaedah perwarisan harta si mati selain daripada faraid. Implikasi kajian menunjukkan mekanisme penentuan hak anak dalam perwarisan ini dapat memberi peluang kepada anak dalam mewarisi harta si mati dan seterusnya dapat menjaga kebajikan mereka.

ABSTRACT

Children are one of the main heirs of Islamic inheritance. The determination of the child's right to inheritance requires a specific mechanism, through the validity of the nasab and the gender discrimination, which often disputes the inherited inheritance. The purpose of this study is to identify the mechanisms for determining the rights of children in the inheritance of Islamic inheritance, clarifying each child category, division of the situation, the law and the child's right to inherit the estate, to determine the appropriate mechanism to enable the child categorized as non-heirs and heirs to participate to acquire and improve the heritage of inheritance and to analyze case studies involving the rights of children in the inheritance of the estate in the Kuala Lumpur Federal Territory Syariah Court. This study is a qualitative study using document analysis, interview, and case study as the main data source. The results of the study can identify twelve (12) types of children and the law of inheritance whether they are entitled to inherit or are not entitled to inherit. For children who are not eligible to inherit and have the right to inherit a mechanism to improve the heritage through hibah, wasiat, *wasiat wajibah*, and *takharuj* are identified and discussed in this study. While the case study analysis results show that four (4) cases related to hibah and wills involving the children are trialed at the Kuala Lumpur Federal Territory Syariah Court. This data indicates that the community is not exposed to the property of the deceased's property other than faraid. The implication of the study shows that the mechanism of determining the rights of the child in this inheritance can provide the children with the opportunity to inherit the property of the deceased and thus to safeguard their welfare.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI AKTA DAN UNDANG-UNDANG	xiii
	SINGKATAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang	4
	1.3 Penyataan masalah	6
	1.3.1 Isu keabsahan nasab anak	7
	1.3.2 Isu keabsahan jantung anak	9
	1.4 Kepentingan kajian	12
	1.5 Matlamat kajian	13
	1.6 Objektif kajian	13
	1.7 Persolan kajian	14
	1.8 Kerangka konseptual kajian	14
	1.9 Skop dan limitasi kajian	16
	1.10 Definisi istilah dan operasional	17

	1.10.1 Mekanisme hak anak	17
	1.10.2 Perwarisan	17
	1.10.3 Harta pusaka	18
	1.13 Penutup	18
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	19
	2.1 Pengenalan	19
	2.2 Sistem perwarisan harta dalam Islam	19
	2.3 Hak anak dalam perwarisan	21
	2.4 Mekanisme perwarisan harta kepada anak	25
	2.4.1 Hibah	26
	2.4.2 Wasiat	28
	2.4.3 Wasiat Wajibah	30
	2.4.4 Takharuj	30
	2.5 Pelaksanaan Undang-undang Harta Warisan di Malaysia	31
	2.6 Penutup	31
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	34
	3.1 Pengenalan	34
	Reka Bentuk Kajian	34
	3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif	35
	3.2.2 Justifikasi Pemilihan Reka Bentuk Kajian Kualitatif	35
	3.3 Strategi Kajian	37
	3.3.1 Kajian Kes	38
	3.3.2 Kategori Kajian Kes	38
	3.3.3 Justifikasi Pemilihan Strategi Kajian Kes	39
	3.4 Metod Pengumpulan Data	42
	3.4.1 Temubual dan Pemilihan Responden	44
	3.4.2 Analisis Kandungan Kes	48
	3.5 Lokasi Kajian	49
	3.5.1 Pengenalan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	49



3.5.2	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	49
3.6	Pentadbiran Kajian	50
3.7	Kesimpulan	50
BAB 4	ANALISIS HAK ANAK DALAM PERWARISAN HARTA PUSAKA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	51
4.1	Pengenalan	51
4.2	Jenis dan kategori anak	51
4.3	Mekanisme Perwarisan Bagi Anak yang dalam Kategori Ahli Waris dan Bukan Ahli Waris	88
4.4	Mekanisme Perwarisan Bagi Anak dalam Kategori Bukan Ahli Waris	89
	4.4.1 Wasiat Wajibah	91
	4.4.2 Wasit	96
	4.4.3 Hibah	106
	4.4.4 Takharruj	109
4.5	Mekanisme Perwarisan Bagi Anak Dalam Kategori Ahli Waris	111
4.6	Kesimpulan	113
BAB 5	KAJIAN KES : ANALISIS PERLAKSANAAN HAK ANAK DALAM PERWARISAN HARTA PUSAKA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	113
5.1	Pengenalan	113
5.2	Analisis Kes Mahkamah	114
5.3	Kes Pertama	114
	5.3.1 Fakta Kes	117
	5.3.2 Keputusan Kes	117
	5.3.3 Analisis Kes	117
5.4	Kes kedua	121
	5.4.1 Fakta kes	121
	5.4.2 Keputusan kes	121

	5.4.3 Analisis kes	122
5.5	Kes ketiga	123
	5.5.1 Fakta kes	135
	5.5.2 Keputusan kes	135
	5.5.3 Analisis kes	136
5.6	Kes keempat	136
	5.6.1 Fakta kes	140
	5.6.2 Keputusan kes	141
	5.6.3 Analisis kes	142
5.7	Kesimpulan	145
BAB 6	PENUTUP	145
6.1	Pengenalan	145
6.2	Rumusan keseluruhan kajian	146
	6.2.1 Kategori anak, situasi pembahagian hukum dan hak anak dalam harta pusaka	146
	6.2.2 Isu berhubung mekanisme yang wujud bagi menambah baik kadar bahagian anak yang di dalam kategori bukan ahli waris	148
	6.2.3 Isu berhubung perjalanan prosiding kes tuntutan harta pusaka di Mahkamah Syariah	149
6.3	Cadangan	150
	6.3.1 Mewujudkan Satu Mekanisme bagi Memperbaiki Hak Perwarisan Anak-anak	150
	6.3.2 Saranan kepada pihak berkuasa	154
6.4	Kesimpulan	155
	RUJUKAN	155
	VITA	164

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Proses Pembahagian Pusaka	25
Jadual 2.2	Statistik Permohonan Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	28
Jadual 2.3	Statistik Permohonan Pengesahan Wasiat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	30
Jadual 2.4	Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia	32
Jadual 3.1	Menyepadankan Persoalan Kajian dengan Strategi Kajian	39
Jadual 3.2	Pentadbiran Kajian	49
Jadual 4.1	Pembahagian Kategori Anak Beserta Jenisnya	51
Jadual 4.2	Kategori Waris Dan Bukan Waris	87
Jadual 4.3	Jenis Anak Kategori Bukan Ahli Waris	88
Jadual 4.4	Jenis Anak Kategori Ahli Waris	109
Jadual 5.1	Pecahan Pembahagian Harta	133
Jadual 6.1	Kategori dan Jenis Anak	147
Jadual 6.2	Jenis Anak Berdasarkan kepada Keabsahan nasab	147
Jadual 6.3	Mekanisme Perwarisan Kepada Anak Bukan Waris Dalam Harta Pusaka	148
Jadual 6.4	Rumusan Kategori dan Jenis-Jenis Anak dalam Pewarisan Harta Pusaka	149

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian Hak Anak Dalam Perwarisan Harta Pusaka Islam	14
Rajah 3.1	Proses kajian kualitatif	35
Rajah 3.2	Gelungan Proses Pengumpulan Data	44
Rajah 4.1	Gambaran Bentuk Wasiat Wajibah	91



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI AKTA DAN UNDANG-UNDANG

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993
Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984
Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998
Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
Akta Kanak-kanak 2001
Akta Umur Dewasa 1971
Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
Akta Mahkamah Juvana 1947
Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) (1955)
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004
Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999
Kanun Tanah Negara (1965)
Perlembagaan Persekutuan
Undang-undang Keluarga Jordan No.36 Tahun 2010
Undang-undang Keluarga Maghribi No 70.03
Undang-undang Keluarga Syria No.2437
Undang-undang keluarga Syria. No.2437
Undang-undang Keluarga Tunisia Tahun 1956
Undang-undang Keluarga Yaman No. 27 Tahun 1998
Undang-undang Kuwait No.5 Tahun 1971
Undang-undang Libya No.7 Tahun 1994
Undang-undang Wasiat Mesir No.71 Tahun 1946

SINGKATAN

ARB	-	Amanah Raya Berhad
JAKESS	-	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
JH	-	Jurnal Hukum
JKPTG	-	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKSM	-	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
MSWP	-	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan
RA	-	<i>Radhiallahu 'Anhu</i>
SAW	-	<i>Sallallahu Alaihi Wasallam</i>
SWT	-	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
YAA	-	Yang Amat Arif
YA	-	Yang Arif



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Arab Jahiliyyah mempunyai dasar pusaka mereka yang tersendiri. Menurut Fatchur Rahman (1981) tradisi pembahagian harta pusaka yang mereka amalkan adalah anak-anak yang belum dewasa dan kaum perempuan dilarang daripada mempusakai harta tinggalan waris yang telah meninggal dunia. Walau bagaimana pun, kedatangan Islam telah merubah amalan tersebut dengan mengiktiraf hak anak tanpa mengira usia dan jantina dalam mewarisi harta pusaka. Bahkan anak ditetapkan sebagai salah satu ahli waris utama dalam sistem perwarisan Islam.

Hal keadaan ini dijelaskan melalui Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa':

11:

وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ آلِهِمْ وَنَسَبِهِمْ حَرَجٌ لِمَا عَرَضَ عَلَيْهِمْ غَيْرُ الْمِيرَاثِ ذَلِكَ يَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ الْفُرْقَانُ لَفُتِنَّا بِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتُمْ لِيَوْمِئَذٍ أَنَّهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَكْفُرُونَ



Maksudnya: “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu, dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak, tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam, (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.¹

Ayat di atas menjelaskan pengiktirafan anak sebagai ahli waris yang berhak menerima pusaka tinggalan si mati disamping penetapan kadar bahagian seorang anak lelaki bersamaan dengan dua bahagian anak perempuan. Sekiranya si mati meninggalkan seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan dengan wang sebanyak RM 3,000.00 maka bahagian anak lelaki adalah RM 2,000.00 dan bahagian anak perempuan RM 1,000.00.

Bab ini memberikan penjelasan tentang tajuk kajian melalui lontaran isu-isu yang dikemukakan di dalam latar belakang kajian. Ia kemudiannya disusuli dengan penggarisan matlamat kajian, rasional kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Bagi memastikan ruang lingkup kajian tidak tersasar, pengkaji telah menyatakannya secara jelas di dalam skop kajian dan limitasi kajian. Penjelasan tajuk kajian dari sudut penggunaan bahasa telah didefinisikan di dalam definisi istilah dan operasional. Gambaran keseluruhan kajian ini pula dapat dilihat dengan jelas melalui kerangka teori yang menggabungkan pemboleh ubah independant, intervene dan dependant. Kerangka teori ini diharap dapat menjadi garis panduan kepada pengkaji untuk melengkapkan kajian ini dengan baik.

¹ Semua terjemahan al-Quran di dalam tesis ini berdasarkan kitab Tafsir Pimpinan al-Quran kepada Pengertian al-Qur'an, Edisi Kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987). [Semua terjemahan ayat al-Quran dalam kajian ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya].

1.2 Latar belakang kajian

Anak merupakan salah satu daripada waris fardu dalam sistem perwarisan Islam. Hak anak dalam sistem perwarisan Islam juga boleh digambarkan sebagai amat kuat di mana tiada sesiapa yang boleh menghijab anak daripada menerima pusaka. Menurut al-Shabuni (1998) kedudukan anak dalam sistem perwarisan akan terhalang apabila dibuktikan anak tersebut membunuh orang yang diwarisinya. Ini berdasarkan kepada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah:²

حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَعِيدٍ الْكِنْدِيُّ قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو خَالِدٍ الْأَحْمَرُ عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ
عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ أَنَّ أَبَا قَتَادَةَ رَجُلًا مِنْ بَنِي مُدَلِجٍ قَتَلَ ابْنَهُ فَأَخَذَ مِنْهُ عُمُرٌ مِائَةٌ مِنَ الْإِبِلِ
ثَلَاثِينَ حِقَّةً وَثَلَاثِينَ جَذَعَةً وَأَرْبَعِينَ خَلْفَةً فَقَالَ ابْنُ أَحِي الْمَقْتُولِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَيْسَ لِقَاتِلٍ مِيرَاثٌ

Maksudnya : “Telah menceritakan kepada kami [Abu Kuraib] dan [Abdullah bin Sa'id Al Kindi], keduanya berkata; telah menceritakan kepada kami [Abu Khalid Al Ahmar] dari [Yahya bin Sa'id] dari [Amru bin Syu'aib] bahawa Qatadah, seseorang lelaki dari Bani Mudlij telah membunuh anaknya. Maka [Umar] mengambil darinya seratus ekor unta, iaitu tiga puluh unta hiqqah (unta betina yang umurnya masuk tahun ke empat), tiga puluh unta jad'ah (unta betina yang umurnya masuk tahun ke lima), dan empat puluh unta khalifah (unta yang sedang hamil)." Anak Saudara si mati berkata; "Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: "Tidak ada hak waris bagi seorang pembunuh."

Selain daripada membunuh, hak mempusakai seseorang anak juga boleh terhalang dengan sebab murtad. Menurut Wan Abdul Halim Wan Harun (2006) seorang waris yang murtad tidak berhak mewarisi pusaka pemilik harta yang beragama Islam. Seseorang anak juga terhalang daripada menerima pusaka sekiranya pewaris harta yang meninggal murtad. Menurut al-Shabuni (1998) terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama berhubung harta orang-orang yang murtad sama ada boleh diwarisi ataupun tidak. Jumhur ulama berpendapat harta orang murtad tidak boleh diwarisi dan diserahkan kepada Baitulmal sebagai harta rampasan (*al-fai*'). Manakala Mazhab Hanafi pula berpandangan bahawa harta yang diperolehi sebelum seseorang itu murtad boleh diwarisi oleh ahli waris yang berhak sementara

² Hadith Sunan Ibnu Majah, Jilid 3. Hadith Nombor 2646

harta yang diperolehi selepas seseorang itu murtad pula dikembalikan kepada Baitulmal (al-Syawkani, t.t.).

Pentadbiran harta pusaka bagi orang-orang Islam di Malaysia adalah terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Perkara ini diperuntukkan di bawah Jadual Kesembilan Senarai 2 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan ta’arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam negeri; adat istiadat Melayu: Zakat Fitrah dan Baitul-mal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syari’ah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu”.

Bidang kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan ini kemudiannya diperundangan di peringkat negeri melalui Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam di negeri-negeri. Sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 Akta 505 memperuntukkan di bawah seksyen 46 (2) (b) (viii):

“46. (2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

(b) Dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –

(viii) Pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat”

Oleh yang demikian, bidang kuasa pembahagian harta dan perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat orang Islam adalah di bawah pentadbiran Mahkamah Syariah di setiap negeri di Malaysia.

1.3 Pernyataan masalah

Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Unit Teknologi Maklumat Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP), pendaftaran kes tuntutan harta pusaka bagi tahun 2016 di MSWP mencatatkan sebanyak 1575 kes³. Statistik ini menunjukkan bilangan pendaftaran kes harta pusaka bagi orang Islam di Wilayah Persekutuan adalah sangat tinggi. Sudah pasti kes-kes ini ada yang melibatkan perwarisan harta pusaka anak dalam pembahagian harta pusaka. Al-Zuhaily (1997) di dalam kitabnya *al- Fiqh al-Islami wa Adillatuh* hal. 7736 menjelaskan bahawa terdapat dua jenis perwarisan iaitu perwarisan secara fardu atau secara asabah. Anak lelaki dan anak perempuan merupakan dua waris utama yang menerima pusaka secara asabah bagi anak lelaki, manakala anak perempuan pula ada ketika menerima pusaka secara asabah dan ada ketikanya menerima pusaka secara fardhu. Wan Abdul Halim Wan Harun (2006) menjelaskan selain waris utama yang terdiri daripada anak lelaki, anak perempuan, suami, isteri, ibu dan bapa terdapat dua lagi kategori waris iaitu waris ganti iaitu cucu lelaki, cucu perempuan, nenek dan datuk, serta waris sisi iaitu saudara seibu sebapa lelaki, saudara seibu sebapa perempuan, saudara sebapa lelaki, saudara sebapa perempuan dan saudara seibu lelaki/perempuan. Namun situasi yang lazim berlaku dalam pembahagian harta pusaka adalah melibatkan anak kandung lelaki dan anak kandung perempuan sahaja. Sebelum pembahagian pusaka dilakukan terdapat beberapa isu yang berkaitan hak perwarisan anak ini iaitu:

1.3.1 Isu keabsahan nasab anak

³Sumber statistik kes tuntutan harta pusaka bagi tahun 2016 ini diperolehi daripada Unit Teknologi Maklumat, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP)

Nasab didefinisikan sebagai satu hubungan sesama insan yang disandarkan kepada bapa dan datuk (Syirbini, 1958). Isu keabsahan nasab ini banyak berkait dengan doktrin *al-walad lil firasy*, iaitu antara kaedah pensabitan nasab dalam Islam. Ia membawa maksud seseorang anak yang dilahirkan daripada ikatan perkahwinan adalah dianggap sebagai sah taraf. Pemeliharaan nasab merupakan suatu yang dituntut dalam Islam dan adalah salah satu daripada *maqasid syar'iyah* (Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, 2011). Hikmah tuntutan pemeliharaan nasab ini dapat dilihat dengan jelas melalui kesan penentuan nasab kepada keturunan, perwarisan, perwalian, batas pergaulan, nafkah dan juga perkahwinan (Al-Ashqar, 2003).

Dalam konteks perwarisan, nasab memainkan peranan penting untuk menentukan kelayakan sebagai ahli waris. Namun terdapat sesetengah masyarakat yang mengambil mudah perkara ini khususnya dalam konteks anak angkat yang mana terdapat anak angkat yang dibin atau dibintikan kepada bapa angkat. Maka, perkara ini akan menimbulkan kecelaruan terutamanya dalam isu penentuan ahli waris lebih-lebih lagi dalam ketiadaan waris atau orang yang tahu berkenaan pengangkatan tersebut. Terdapat juga keadaan di mana bapa angkat mewartakan pernikahan anak angkat. Perkahwinan yang dijalankan itu sudah pasti satu perkahwinan yang fasid kerana nikah yang tidak dipenuhi. Rentetan daripada perkahwinan yang fasid itu akan melahirkan anak-anak yang kesahihan nasabnya memerlukan penentuan sama ada anak sah taraf atau anak tak sah taraf. Hal ini berlaku juga kepada anak pungut. Persoalan timbul bagaimana sistem perwarisan Islam menerangkan tentang pembahagian dan pengurusan harta pusaka mereka?

Permasalahan dalam perwarisan harta turut berlaku kepada anak yang diambil sewaktu masih kecil lalu disusui anak tersebut oleh ibu susuannya sehingga mengenyangkan. Penulis menjangkakan beberapa situasi boleh wujud dalam konteks anak susuan ini. Antaranya ialah anak susuan yang diambil daripada ibu bapa asal yang ada hubungan perwarisan seperti anak daripada saudara lelaki seibu sebapa atau sebapa atau anak daripada saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa. Hukum perwarisannya berbeza daripada anak susuan yang diambil daripada ibu bapa asal yang tiada hubungan perwarisan. Hal keadaan ini boleh mengelirukan masyarakat dan memerlukan kepada penjelasan dan kajian lanjut.

Berlaku juga keadaan di mana suami atau isteri yang tersilap mendatangi pasangan masing-masing sehingga melahirkan zuriat. Bagaimanakah Islam menangani permasalahan hukum terhadap status nasab anak tersebut yang dikategorikan sebagai anak wati' shubhah? Sementara itu, anak li'an adalah anak yang lahir daripada ibu dan bapanya yang melalui proses *li'an*. Masih terdapat masyarakat yang keliru dengan hukum berkaitan anak li'an ini khususnya yang berkaitan dengan nasab dan perwarisan. Justeru, memerlukan kepada penjelasan dan kajian lanjut. Begitu juga dalam keadaan di mana anak yang dibawa daripada perkahwinan yang terdahulu ke dalam perkahwinan yang baharu. Adakah anak yang lebih dikenali sebagai anak tiri ini boleh dinasabkan kepada ibu atau bapa yang baharu serta berhak mewarisi? Terdapat juga keadaan di mana pasangan suami isteri yang kedua-duanya membawa anak masing-masing hasil daripada perkahwinan terdahulu.

Peredaran masa memperlihatkan kecanggihan teknologi pengklonan manusia. Melalui teknologi ini sel individu diambil untuk mewujudkan individu yang mempunyai ciri dan rupa bentuk yang sama. Teknologi ini telah berjaya diaplikasikan ke atas haiwan dan tidak mustahil diaplikasikan ke atas manusia. Kehendak manusia yang tiada sempadan seperti ingin mendapatkan keturunan daripada genetik terbaik dari segi rupa paras, bentuk tubuh badan, kesihatan, intelek, kekuatan dan lain-lain faktor positif yang lain memperlihatkan teknologi ini dibangunkan dengan pesatnya. Apakah pandangan syarak terhadap pengklonan manusia dan hukum perwarisan manusia klon? Semua ini memerlukan kajian lanjut bagi mencari jawapan terhadap isu tersebut.

Pada masa kini terdapat teknologi bayi tabung uji yang memberikan sinar harapan buat pasangan suami isteri memperoleh zuriat. Teknologi ini membolehkan sperma suami dan ovum isteri diambil dan disatukan dalam proses saintifik yang dikenali sebagai tabung uji. Apa yang lebih menarik teknologi ini tidak terhad kepada pasangan suami isteri sahaja bahkan sesiapa sahaja boleh mendapatkan faedah daripada teknologi tersebut. Terdapat ruang sperma seorang lelaki disatukan dengan ovum seorang wanita yang bukan pasangan suami isteri. Apakah status nasab anak tersebut dari sudut hukum syarak dan hukum perwarisannya?

Pasangan suami isteri yang mempunyai masalah untuk mendapatkan zuriat juga mempunyai mekanisme lain, iaitu dengan menggunakan kaedah ibu tumpang. Melalui kaedah ini sperma dan ovum pasangan suami isteri tersebut akan

dimasukkan ke dalam rahim seorang wanita lain untuk disenyawakan. Kaedah ini sangat popular sehinggakan di sesetengah negara seperti Amerika Syarikat, China dan India terdapat perkhidmatan menyewa rahim yang mendapat permintaan tinggi. Bayaran yang dikenakan juga agak lumayan, iaitu sehingga mencecah RM 50,000. (Kosmo 24hb Oktober 2008, 25hb Mei 2009 & 23hb September 2009). Fenomena ini belum beraku di Malaysia. Namun penulis menjangkakan tidak mustahil ia boleh menular ke negara kita. Justeru, isu ini memerlukan kajian lanjut khususnya berhubung dengan status nasab dan hukum perwarisan bagi anak yang dilahirkan melalui kaedah ibu tumpang ini.

Kecanggihan teknologi juga membolehkan seorang lelaki mengambil alih peranan hamil yang sejak azali dilaksanakan oleh wanita. Ini bermakna tempat penyatuan sperma dan ovum tidak lagi terhenti setakat rahim ibu sahaja bahkan boleh dipindahkan ke tempat-tempat lain. Laporan akhbar bertajuk “Lelaki lahirkan bayi perempuan – Setelah hamil dengan penuh kontroversi, Thomas kini bergelar ibu”. Berita tersebut memaparkan kisah seorang lelaki yang pada asalnya perempuan telah mengahwini seorang wanita bernama Nancy. Setelah 10 tahun hidup bersama Thomas memutuskan untuk mengandung melalui teknik pernian artifisial kerana Nancy pernah menjalani pembedahan histerektomi (Kosmo, 13hb Julai 2008). Pendedahan ini menunjukkan tidak mustahil seorang lelaki mengambil peranan wanita untuk hamil. Walaupun kes ini tidak melibatkan orang Islam namun ia tidak mustahil menular kepada masyarakat Muslim yang sudah tentu melibatkan isu hukum terhadap tindakan tersebut. Ia juga secara langsung akan melibatkan status nasab anak tersebut.

1.3.2 Isu keabsahan jantina anak

Isu ini dapat dilihat dengan ketara melalui keputusan Mahkamah Rayuan Sivil, No. N-01-498-11/2012 antara Perayu Muhamad Juzaili Bin Mohd Khamis, Shukur Bin Jani dan Wan Fairol Bin Wan Ismail dengan Responden Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan, Pengarah Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan, Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan dan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sembilan. Dalam kes ini Mahkamah Rayuan Sivil dalam keputusannya telah mengiktiraf hak golongan lelaki yang

mengalami masalah kecelaruan jantina untuk mengamalkan hak asasi mereka seperti berpakaian wanita dan lain-lain. Fakta ini menunjukkan bahawa gejala kecelaruan jantina ini telah menular dan mendapat tempat serta diiktiraf di Malaysia. Jika diteliti lebih lanjut adakah golongan ini daripada golongan khunsa yang menurut Kamus Dewan edisi keempat (1998), ialah orang yang mempunyai dua alat kelamin (hermaphrodit) atau tidak mempunyai alat kelamin sama sekali? Khunsa ini pula boleh wujud dalam pelbagai bentuk bergantung kepada kecenderungan fungsi alat kelamin yang wujud atau tidak wujud pada mereka. Selain melihat fungsi alat kelamin tersebut adakah terdapat kaedah lain yang boleh digunakan untuk menentukan jantina khunsa ini? Boleh jadi juga golongan ini daripada kalangan orang yang menonjkan dirinya sebagai wanita. Golongan *mukhannas* ini juga lebih dikenali sebagai pondan atau mak nyah. Situasi kecelaruan jantina dan *mukhannas* ini merupakan dua situasi yang berbeza. Sistem perwarisan Islam menetapkan kadar pembahagian yang berbeza antara lelaki dan perempuan. Selain daripada isu semasa yang berlegar dari sudut hak asasi seperti pemilihan pakaian, tandas, gaya hidup dan lain-lain perlu juga difikirkan isu-isu selepas berakhirnya kehidupan. Bermula daripada kaedah pengurusan jenazah seterusnya kepada pengurusan harta pusaka. Bagaimanakah pembahagian pusaka bagi dua golongan yang dikatakan mengalami kecelaruan jantina dan kecenderungan menonjolkan diri sebagai wanita ini diselesaikan?

Melalui perbincangan dua isu di atas, iaitu isu keabsahan nasab dan isu keabsahan jantina secara hipotesisnya kajian ini menyatakan bahawa dalam sistem perwarisan Islam jenis anak adalah tidak terhad setakat anak lelaki dan anak perempuan sahaja. Bahkan turut meliputi jenis-jenis anak seperti anak angkat, anak pungut, anak tak sah taraf, anak susuan, anak wati' syubhah, anak li'an, anak tiri, anak klon, anak tabung uji, anak ibu tumpang, anak khunsa dan anak *mukhannas*.

Setiap satu kategori anak ini mempunyai kesan dan permasalahan yang tersendiri. Menurut Wan Abdul Halim Wan Harun (2006) antara sebab-sebab mempersakai ialah ikatan perkahwinan, hubungan darah (keturunan), dan pembebasan hamba. Sebab mempersakai bagi seseorang anak adalah berdasarkan keabsahan hubungan darah atau nasab antara anak tersebut dengan si mati. Selain itu ia juga melibatkan keabsahan ikatan perkahwinan pasangan yang daripada perkahwinan tersebut menghasilkan zuriat.

Melalui pendekatan kajian interpretasi, kategori anak-anak boleh dibahagikan kepada yang berhak menerima dan yang tidak berhak menerima pusaka. Selain itu, kajian juga menyarankan mekanisme lain sama ada terdapat kategori yang dimeteraikan sebagai berhak dan tidak berhak itu sudah mencapai tahap keadilan yang sepatutnya. Mungkin bagi yang berhak terdapat mekanisme lain untuk menambah baik hak pusaka yang telah sedia ada diperolehi manakala bagi yang tidak berhak mempusakai pula terdapat mekanisme lain untuk turut sama mendapat manfaat daripada harta pusaka yang ditinggalkan. Ini kerana keadilan itu hendaklah seboleh mungkin dizahirkan dan dilaksanakan, bukan hanya sekadar kelihatan seperti adil. Perkara ini akan menjadi lebih signifikan apabila melibatkan anak-anak yang akan mendatangkan mudharat kepada diri mereka jika hak untuk turut sama merasai harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati dinafikan.

Situasi pembahagian pusaka yang melibatkan anak-anak ini juga didapati semakin kompleks dan pelbagai. Keadaan ini boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat bahawa pembahagian tersebut tidak berlandaskan hukum pusaka Islam yang sebenar (Rahman, M.F.A 2007; Rashid & Noor Inayah 2015). Sebagai contoh, penulis mengandaikan salah faham tersebut boleh berlaku dalam kes seperti, Ahmad telah diambil sebagai anak angkat oleh bapa saudaranya yang tidak mempunyai zuriat setelah 10 tahun perkahwinan. Bapa kandung Ahmad, iaitu abang kepada bapa angkat Ahmad telah meninggal dunia ketika Ahmad masih kecil. Ahmad kemudiannya telah mewarisi harta pusaka yang ditinggalkan oleh bapa angkatnya yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya yang turut meragut nyawa ibu angkatnya. Bapa angkat Ahmad tidak mempunyai waris selain seorang anak angkat sahaja, iaitu Ahmad. Situasi yang berlaku bagi kes di atas mungkin akan menimbulkan isu kepada masyarakat. Bagaimana seorang anak angkat boleh mewarisi keseluruhan harta pusaka yang ditinggalkan oleh bapa angkatnya.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa asas keharmonian sesebuah masyarakat bergantung kepada sistem keadilan yang dilaksanakan oleh pemerintah terhadap setiap individu. Melihat dalam konteks hak anak dalam sistem perwarisan Islam, walaupun jelas diperuntukkan dalam sumber syariat Islam namun masih perlu diperhalusi khususnya apabila hak anak-anak tersebut dikategorikan mengikut jenis anak. Adakah hak yang asalnya ada kekal wujud dalam keadaan asal atau terbuka kepada perubahan untuk menambahbaik hak tersebut? Adakah hak yang asalnya tiada maka kekal tiada dalam keadaan asal atau terbuka kepada perubahan untuk hak

itu diberikan bagi mengelak kemudaratan. Justeru, satu kajian ilmiah diperlukan bagi mencapai maksud tersebut.

Adalah menjadi stigma masyarakat mengenai keterbatasan hak mewarisi harta pusaka berlegar dalam kalangan ahli waris sahaja. Jarang juga yang menyedari terdapat pelbagai kategori anak, iaitu anak angkat, anak pungut, anak tak sah taraf, anak susuan, anak *wati' syubhah*, anak *li'an*, anak tiri, anak klon, anak tabung uji, anak ibu tumpang, anak *khunsa* dan anak *mukhannas*. Masyarakat juga masih keliru dan tidak mengetahui secara jelas berkenaan latar belakang setiap jenis anak tersebut lebih-lebih lagi apabila anak itu dihasilkan melalui kaedah saintifik seperti anak tabung uji, anak klon, dan anak ibu tumpang. Terdapat juga anak di bawah pecahan khunsa musykil dikenali sebagai *ambiguous genitalia* dan *testicular feminisation syndrome* yang mana istilah ini sangat asing kepada masyarakat.

Selain itu setiap satu kategori anak ini mempunyai hukum perwarisan yang tersendiri. Kebiasaannya perbincangan terhenti setakat hukum sahaja tanpa meneliti pilihan dan mekanisme yang wujud bagi menjaga masalah anak-anak yang berada dalam kategori bukan ahli waris. Begitu juga bagi anak yang termasuk dalam kategori ahli waris. Adakah hak mereka terhenti setakat bahagian fardu yang telah ditetapkan? Masih adakah ruang untuk menambah baik hak sedia ada tersebut bagi mengelakkan mudharat terhadap anak-anak ini?

1.4 Kepentingan kajian

Hasil daripada kajian ini akan dapat membantu ahli waris amnya dan anak khususnya yang wujud dalam pelbagai kategori untuk mengetahui hak, hukum perwarisan dan situasi yang berlaku dalam pembahagian harta pusaka. Selain itu ianya juga dapat memberi pilihan terhadap mekanisme penyelesaian yang sesuai bagi anak yang berhak mahupun tidak berhak ke atas harta pusaka agar keadilan dapat dilaksanakan secara maksimum.

1.5 Matlamat kajian

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abdul Hamid Hassan, S. (2008). *Mirath al-Khuntha fi Dhu'i al Haqaiq al Ilmiyyah al Muasarah*. Tesis Master.
- Abdul Rahman, M. F. (2007). *Bagaimana Mengurus Harta Pusaka*. Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rashid, H. A. (1986). *Wasiat Dalam Islam : Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir cetakan 12
- Abidin, I. ' . (t.t.). *Radd al-Mukhtar 'Ala Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al Absar* (Vol. Juz 8). Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.
- Abu Bakr Ibn Mas'ud Ibn Ahmad al-Kasani, (2010). *Bada'i Sana'i* , Beirut
- Abu Zahrah, M. (1978). *Sharh Qanun al-Wasiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Ahmad Hidayat Buang (2007), "Prinsip dan Pelaksanaan Hibah" dlm. Ahmad Hidayat Buang (ed.) *Undang-undang Islam di Malaysia : Prinsip dan Amalan*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya
- Ahmad Mahmud Al-Syafi'e. (t.t). *Ahkam Al Mawarith*. Beirut: Dar Al Jami'iyyah.
- Ahmad Yasin, a.-Q. (2005). *Hukm al Hibah wa Mawani' al Ruju' fha fi al Fiqh al Islamiyy* (Vols. Jil. 32, Bil. 1). Jordan: Dirasat ulum al Syariah wa al Qanun.
- Al-Ashqar, Muhammad Sulaiman., (2003). *Perbahasan Ijtihad di dalam Fikah Perubatan Terj. Mohd Fadzil Abu Bakar*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Al-Bukhari, M. b. (1424H/2003). *Shahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Isawi, A. A. (2007). *Ensiklopedi anak : tanya jawab tentang anak dari A sampai Z*. (M. S. al-Faiz, Ed., & A. Nur, Trans.) Jakarta : Darus Sunnah Press

- Al-Kalwazani, A. a.-5. (1995). *Al-Tahzib fi Ilm al-Faraidh wa al Wasaya* (Cet.1 ed.). Riyadh: Maktabah al A' bikan.
- Al-Malibariy, Z. (1997M/1418H). *I'aanah al-Taalibin* (Cet. 1 ed., Vol. Juz. 3). Beirut Labanon: Dar al-Fikr.
- Al-Mausu'ah al Fiqhiyyah* (1990) Cet. 2 ed., Juzu' 20, Kuwait: Zatul Salasih.
- Al-Samarqandy, ' . a.-D. (1959). *Tuhfah al-Fuqaha'* (Vol. Jil. 3). Damsyik: Matba'ah Jami' Dimahq.
- Al-Sarakhsi, K. M. (1415H/1995). *Sharh Fath al-Qadir* (Vol. Juz. 4). Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiah.
- Al-Shabuni, M. A. (1998). *Hukum Waris Dalam Syariat Islam*. Saudi Arabia: Dosen Tafsir dan Fara'idl di Fakultas Syariah, Universitas Mekah al-Mukarramah.
- Al-Shabuniy, M. ' . (2002). *Al Mawarits Fisy Syari'ah Al Islamiyah fi dhu' al Kitab wa al Sunnah*. Beirut: Dar Al Ilmiyyah.
- Al-Sin'ani, al-Imam Muhammad Ismail al-Kahlani, *Subul al-Salam Syarah Bulugh al-Maram*, Beirut, Dar Sodik, 1992.
- Al-Syawkani, M. B. (t.t.). *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar* (Vol. Juzuk 6). Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (2007). *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*. Vol. 1, 2nd Edition, Damascus: Dar al-Fikr.
- 'Arif Ali Arif (Dr), *Al-Ummu Al-Badilah (au Ar-Rahmu Al-Musta'jir) Ru'yah Islamiyyah*. Tanpa hlm.
- Az'ar, R. ' . (2008). *Wasiyah al Wajibah Dirasah Fiqhiyyah al Muqaranah*. Gaza: Jamiat Islamiyyat bi Ghazzah.
- Basha, M. Q. (2006). *Ahkam al-Shariat fi al-Ahwal al-Shakhsiyyah* (Vol. Jil.4). Kaherah: Dar al-Salam.
- Darmawan, (2012). *Pusaka Anak Dalam Kandungan, Anak Zina dan Anak Li'an, al Hukama*, *The Indonesian Journal of Islamic Family Law*
- Karima Aboud Jabr (2010), *Isti'jar al-Arham Wa al-Asar al-Mutarattabah Alaihi*, *Majallah Abhas Kuliyyah al-Tarbiyyah al-Asasiyyah*, Jilid 9, Bil. 3
- Muhamad Rafiqi Hehsan (2014) *Q & A Fiqh Perubatan*, PTK Islamika
- Mushaddad bin Hasbullah, Dr Zaharuddin Bin Zakaria dan Zahari Bin Musa, *Implikasi Harta Pusaka Dalam Konteks Hukum Dan Nasab*, Seminar Kebangsaan Transformasi Pengurusan Harta Pusaka di Malaysia, Dewan

Tuanku Canselor, USIM, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada 22hb. September 2016.

- Denzin, N. &. (2003). *Collecting and Interpreting Qualitative Materials* (2nd Edition ed.). Thousand Oaks : Sage.
- E., L. Y. (1985). *Naturalistic Inquiry*. New York: Sage.
- G.G., M. C. (1998). *Designing Qualitative Research* (3rd ed.). Thousand Oaks: Sage.
- Norliah Binti Sajuri, Khidmat Ibu Tumpang (Surrogate Motherhood) Untuk Mendapatkan Zuriat, *Jurnal Penyelidikan Islam*, volume 21, 2008.
- Abdul Kadir, B. H. (1983). *Sistem Pusaka Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah.
- Halim, D. A. (17 November 2013). Wasiat Dan Hibah: Hukum Dan Prosedur. *Seminar Wanita dan Syariah: Mengurus Harta Bukan Sekadar Merancang Kewangan*, (p. 1). Mahkamah Mut, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Harun, W. A. (2006). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, A. A. and Yusop, Y. (2006). "Perancangan Harta di ZAR Perunding Pusaka Sdn. Bhd.", in Mahamood, S. M. (Ed.), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibn Kathir., A. a.-F. (1999). *Tafsir al-Quran al Azim* (Cetakan ke-2 ed., Vol. Juzu' 6). Saudi: Maktabah Tayyibah.
- Ibn Majah, Imam Muhammad bin Yazid Ibn Majah al-Qazvini (273H). *Sunan Ibn Majah*, (t.p).
- Ibn Manzhur, M. i.-A.-I.-M.-K.-D.-F. (1312H). *Lisan Al Arab* (Vol. Jilid 7).
- Ibnu Hajar al-Haytami, A. I. (2001). *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharhi al-Minhaj* (Vol. Juz.4). Beirut: Dar al-Kitab al-Alamiyyah.
- Ibnu Qudamah, A. M. (1389H/1969). *al-Mughni* (Vol. Juz. 8 & 9). Mesir: Maktabah al-Qahirah.
- J.A., M. (1996). *Qualitative Research Design : An Interactive Approach*. Thousand Oaks: Sage.
- J.W., C. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design, Choosing among five traditions*. Thousand Oaks: Sage.
- Jabatan Kemajuan Islam, M. (2013). *Manual Islam & Mak Nyah*.

- Jal Zabdi bin Mohd Yusoff & Zulazhar bin Tahir. 2005. 'Akta Kanak-Kanak 2000: Penguatkuasaan Semula Tugas dan Tanggungjawab Ibu Bapa atau Penjaga'. *Jurnal Undang-Undang (JMCL)*. Vol.32.
- Janice M. Morse, L. R. (2002). *Readme First for a User's Guide to Qualitative Methods*. Thousand Oaks: Sage.
- Juairiah Binti Hasan, *Keadilan Dalam Undang-undang Pusaka Islam*, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2009.
- Kamaruddin, K., & Ahmad, M. Y. (2012). Analisis Kefahaman Penulisan Wasiat Orang Islam di Negeri Melaka/Analysis of the Understanding of Muslim Will Writing in Melacca. *Islamiyyat*, 34, 71.
- Kamus Dewan Bahasa* (Edisi ke-4 ed.). (n.d.). Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 2013.
- Laman Sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan*. Dicapai pada 21 Januari 2019, Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah: <http://muftins.gov.my>
- Laman Sesawang Jabatan Mufti Negeri Pahang*. Dicapai pada 6 April 2018, daripada Keputusan Fatwa Tentang Penentuan Jantina Bagi Ambiguous Genitalia dan TesticularFeminisation:<http://mufti.pahang.gov.my/index.php/perkhidmatan/bahagian-fatwa/keputusan-fatwa/26-keputusan-fatwa-2009/94-penentuan-jantina-bagi-ambiguous-genitalia-dan-testicular-feminisation>
- Laman Sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Dicapai pada 6 April 2018, daripada Irsyad al-Fatwa Ke-202 : Hukum Berkaitan Khunsa : <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa-umum/751-irsyad-al-fatwa-ke-202-hukum-hakam-berkaitan-khunsa>
- Laman Sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Dicapai pada 30 Januari 2019, Al-Kafi 893 : Hukum Faraid Bagi Anak Yang Lahir Daripada Watie Syubhah : <http://www.mufti.gov.my>
- Laman Sesawang Amanah Raya Berhad*. Dicapai pada 21 Jun 2016 <http://www.arb.com.my/arbvos/References/faqs/faq9.asp>>
- Majdah Zawawi (2011), Pengklonan Manusia Dari Sudut Syarak, *Jurnal Penyelidikan Islam*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mansur Ibn Idris, a.-B. (t.t.). *Kashshaf al-Qanna' Matn al-Iqna'* (Vol. Jil.4). Riyadh: Maktabah al-Nasr al-Hadithah.

- Manual Pengurusan Wasiat Islam.* (2010). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri.
- Merriam, S. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education.* San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mohd Redzuan, A. (2008). Faraid: Manifestasi Kesyumulan Pengurusan Harta dalam Islam. *Prosiding Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan.* Kuala Lumpur: JAKIM.
- Mohd Zamro, M. (2008). Instrumen Hibah dan Wasiat : Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia. *Kertas kerja ini dibentangkan pada Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008, anjuran JAKIM pada 7 Ogos 2008 bertempat di Dewan Sebaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.,* (p. 1).
- Muhamad, A. (2007). “Ke Arah Penyelesaian Harta Pusaka Kecil Yang Lebih Bersepadu Cekap dan Cemerlang”, di dalam Konvensyen Perwarisan Harta Islam. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad.
- Muhammad Ali al-Bar. (1999). *Khalqul Insan Baina At-Tib Wa Al-Quran.* Jeddah: Dar As-Sa’udiah.
- Muhammad Ali, F. (1962). *Al-Muamalat Maliah Wa al-Adabiyah* (Vol. Juz. 2). Mesir.
- Ma’rifah Ma’ani Alfaz al-Minhaj* (Vol. Juz. 3). Beirut-Lubnan: Dar al-Ma’rifah.
- Muhammad Wohidul Islam (1999), "Al-Mal : The Concept of Property In Islamic Legal Thought, Arab Law Quarterly, Vol. 14, No. 4.
- Muhammad Zaid, a.-I. (t.t). *Syarh al Ahkam al-Syariat fi al usul al Syakhyiah* (Vol. Juz 3). Beirut: Maktabah al-Nadha.
- Muhamadul Bakir Yaakub (PhD) Kulliyah Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Khatijah Othman Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Konflik Pembahagian Harta Pusaka (Al-Mirath) Dan Krisis Identiti Dalam Institusi Kekeluargaan Masyarakat Melayu: Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam, Teaching and Learning ICICMI (2011)
- Musa, M. Y. (1967). *Al-Nasab wa Atharuhu* (Edisi 2 ed.). Kaherah: DAR al-Ma'rifah.
- Muslim, Sahih Muslim (t.p)
- Mustofa al-Khin, M. a.-B.-S. (1992). *Fiqh Manhaji ‘ala Mazhab al Imam al Syafie* (cet.3 ed., Vol. Juz 5). Lubnan: Dar al Qalam.

- Nabilah Yusof, Haliza A.Shukor, Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim Nikah, Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Status Anak Dalam Perkahwinan Sindiket Menurut Perspektif Syarak Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayahwilayah) Persekutuan 1984, Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, MALAYSIA. e-ISBN 978-967-11768-1-8. Organized by WorldConferences.net 1431
- Nasir bin Muhammad Masyari, a.-G. (1429H). al Takharuj baina al Warithah, ahkamuhu wa suratuhu fi fiqh al Islamiyy. *Majallah Jami'ah Umm al-Qura li Ulum al Syar'iyah al Islamiyyah*(Bil. 45), 200-204.
- Norfairuz Azizah Binti A. Ghani, Penasaban dan Pendaftaran Anak Tak Sah Taraf Menurut Islam dan Undang-undang Malaysia, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 2014
- Oliver, P. (2010). *Understanding the Research Process*. Thousand Oaks: Sage.
- Omar, H. B. (2001). *Zuriat Biologi : Reproduksi rekaan dari perspektif Islam*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Othman, L. (2012). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Popkewitz, T. (1984). *Paradigm and Ideology in Educational Research : The Social Function of the Intellectual*. Lewes: Falmer Press.
- Portal E-Fatwa JAKIM*. (n.d.). Dicapai pada 19 Januari, 2016, daripada Fatwa Tentang Hukum Pengklonan Pembiakan Manusia Dan Perubatan Dari Sudut Syara:<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-hukum-pengklonan-pembiakan-manusia-dan-perubatan-dari-sudut-syara>
- Portal E-Fatwa JAKIM*. (n.d.). Dicapai pada 21 Januari, 2016, daripada Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan kali ke-80.: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-menggunakan-kaedah-khidmat-ibu-tumpang-surrogate-motherhood-untuk-mendapatkan>
- Portal E-Fatwa JAKIM*. (n.d.). Dicapai pada 17 Januari, 2016, daripada Muzakarah Fatwa kali 25. 13 Dis 1989. Kedudukan Mak Nyah Dalam Islam: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/kedudukan-mak-nyah-dalam-islam>
- Portal E-Fatwa JAKIM*. (n.d.). Dicapai pada 17 Januari, 2016, daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-4 pada 13 April 1989 “Pertukaran

Jantina Daripada Lelaki Kepada Perempuan”: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pertukaran-jantina-daripada-lelaki-kepada-perempuan>

Portal E-Fatwa JAKIM . (n.d.). Dicapai pada 7 Februari, 2016, daripada Muzakarah Fatwa Kebangsaan Kali Ke-83: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah>

Portal E-Fatwa JAKIM. (n.d.). Dicapai pada 19 Jan, 2016, daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-5 1982: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/bayi-tabung-uji>

Portal E-Fatwa JAKIM. (n.d.). Dicapai pada 21 Januari , 2016, daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penentuan-jantina-bagi-ambiguous-genitalia-dan-testicular-feminisation-syndrome>

Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor, Dicapai pada 20 November 2018, Kadar Harta Yang Boleh D hibahkan: <http://www.mais.gov.my>

Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, Dicapai pada 7 April 2018, Bayi Tabung Uji: <http://www.myhealth.gov.my/bayi-tabung-uji-ivf/>

Pustaka, D. B. (n.d.). *Kamus Dewan Bahasa* (Edisi ke-4 ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Radin Seri Nabahah, b. A. (2004). *Penyewaan Rahim Menurut Pandangan Islam*. Kaherah: American Open University.

Rahman, F. (1981). Ilmu Waris, cet. Ke-10, Bandung: PT. Al-Ma" arif.

Rahman, M. F. A. (2007). *Bagaimana mengurus harta pusaka*. PTS Professional

Rashid, R. A., & Ahmad, N. H. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat dari Pelbagai Aspek untuk Kemajuan Ummah. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 91-104.

Rashid, R. A., & Noor Inayah Y. (2015). Masalah kegagalan dan kelewatan pengagihan harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5(2).

R.E, S. (1995). *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks: Sage.

R.K., Y. (1984). *Case Study Research : Design and Methods* . Beverly Hills: CA : Sage.

- Rosmann, C. M. (1995). *Designing Qualitative Research* (2nd ed.). Thousand Oaks: Sage.
- Rossmann, C. M. (1999). *Designing Qualitative Research* (3rd ed.). Thousand Oaks: Sage.
- S.K., B. R. (1998). *Qualitative Research for Education : An Introduction to Theory and Methods* (3rd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Saharuddin, H. S. (2005). Kedudukan *Wasiat Wajibah* Dalam Islam dan Pelaksanaannya Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999. *Jurnal Hukum*.
- Salehan Bin Ayub (2005), Terjemahan al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie karangan asal Dr. Mustafa la-Khin, Dr Mustafa al-Bugha dan Ali al Syabaji, Jilid 5, Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Seidman, I. (1998). *Interviewing As Qualitative Research* (Second Edition ed.). Teachers College Press.
- Selangor, W. K. (n.d.). *Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 9* (Vol. Jilid 58).
- Shamsuddin Muhammad bin al-Khatib al-Syarbini, (1997). *Mugni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'anil Alfaz*, Beirut. Lubnan: Darul Ma'rifah
- Siti Salwa Binti Mohd Nor @ Ghazali, Persetubuhan Syubhah di dalam Undang-undang Islam dan Implikasinya Kepada Kelahiran Anak Serta Amalannya di Mahkamah Syariah Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2003)
- Sirman, D. (t.t). *Beberapa Masalah Hukum Tentang Wasiat Dalam Konteks Peradilan Agama Indonesia*.
- Sparkes, A. (. (1992). *Research in Physical Education and Sport : Exploring Alternative Visions*. London: Falmer Press.
- Suhaili Alma'amun, Islamic Estate Planning: Malaysian Experience, *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 3-2 (March 2010), pp. 165–185
- Suhaimi Bin Mahbar. (2016) “Transformasi Pengurusan Pentadbiran Harta Pusaka Di Malaysia : Cabaran dan Penyelesaiannya, Seminar Kebangsaan Transformasi Pengurusan Harta di Malaysia, 22 September 2016
- Sayyid Saabiq, 2008M/ 1428H, Al-Fiqh al-Sunnah, Jil. 4, Dar al-Fath, Kaherah
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, S. K. (2011). Penggunaan DNA Bagi Penentuan Nasab al-Walad Li al- Firasy dalam Peruntukan Undang-undang

- Keluarga Islam di Malaysia. *JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas 2011*, 17-25.
- Thabari, A. J.-A. (1994). *Tafsir Tobarī Jami' al Bayan 'An Ta'wil Ayyi al-Quran* (Cet. 1 ed.). Beirut: Muassasah al Risalah.
- The Muslim Family Law Ordinance 1961 Undang-undang No.8 Tahun 1961 Perkara 4.* (n.d.).
- Thohun, N. K. (1983). *Ahkam Al Mawrith fi syariah islamiyyah*. Jeddah: Maktabah Al Khidmaat Al Hadithiyyah.
- Tirmizi (2141) Kitab Wasiat, Bab Hadith Berkenaan Tiada Wasiat Untuk Waris.* (n.d.).
- Wahbah al-Zuhaily. (1984). *Fiqh dan Perundangan Islam* (Cet.1 (2011) ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Walliman, N. (2011). *Research Methods The Basics*. London And New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Warta Kerajaan Negeri, S. (2008). *Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 9* (Vol. Jil. 58).
- Yaacob, O. (2006). "Pembentukan Trust Hibah Sebagai Mekanisme Perancangan Harta", in Mahamood, S. M. (Ed.), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif UndangUndang dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Yahaya, A. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: teori, analisis & interpretasi data*. PTS Professional.
- Yahya, D. I. (2004). Pelaksanaan Wasiat di Mahkamah : Teori dan Praktis. *Jurnal Hukum*, 1-18.
- Yusof, N., Shukor, H. A., Khan, I. N. G., & Hashim, H. (2013). Status Anak Dalam Perkahwinan Sindiket Menurut Perspektif Syarak dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1984. Procending of the International Conference on Social Science Research, ICSSR.
- Zaidan, A. K. (1993). *Al-Mufashal fi Ahkamil Mar'ah Wal Baitil Muslim Fi al-Syari'ah al-Islamiyah* Cet. 1 (1993). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zuhair Mahmud Al-Humawi (2006), *Wasiat-wasiat Akhir Hayat Dari Rasulullah, Abu Bakar, Dll*. Jakarta: Gema Insani Press
- Zurah, M. A. (1963). *Ahkam Al Mawarith*. Kaherah: Dar Al Fikr Al Arabiyy.